

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 8*Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1 Qaisara menghidangkan sedulang jus oren di atas meja _____ menjemput tetamunya minum.
 A jika
 B lalu
 C agar
 D serta

- 4 Farhan berasa geram kerana adiknya _____ kuihnya secara senyap-senyap.
 A diambil
 B ambilan
 C terambil
 D mengambil

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.

- 2 Mekanik itu sedang _____ tayar kereta yang bocor di bengkel.
 A menukar
 B mengalih
 C mengubah
 D memindah

- 5 “_____ buang sampah di sini. _____ jaga kebersihan pantai bersama-sama,” pesan pengawal pantai kepada para pengunjung.
 A Tolong ... Harap
 B Usah ... Jemput
 C Jangan ... Sila
 D Sila ... Minta

- 6 “Adakah ibu bapa _____ akan hadir semasa mesyuarat PIBG nanti?” tanya Cikgu Aidil kepada Shahrar.
 A dia
 B anda
 C kamu
 D engkau

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.

- 3 “Wah, seronoknya _____ begini kerana dapat menghirup udara yang segar dan nyaman di kampung,” kata Kak Lidya dan Kak Rossa.
 A berlari-lari
 B bersiar-siar
 C berbual-bual
 D bermain-main

- 7 Shazwan berasa _____ melihatkan sikap Ammar yang selalu membulunya.
 A batu api
 B sakit hati
 C senang hati
 D gulung tikar

- 8 Emak membuat catatan pada _____ kertas sebelum membeli barang di pasar.
 A senaskah
 B sepasang
 C sekeping
 D sebuku

- 9 Bunga yang ditanam oleh ibu sudah layu.
Pilih **perkataan antonim** bagi layu.
A naik
B buka
C terbit
D mekar
- 10 Hubungan Sharida dan Arissa sangat akrab dari kecil lagi.
Pilih **perkataan sinonim** bagi akrab.
A hampir
B padat
C rapat
D dekat
- 11 Pilih ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.
I Murid-murid lebih berdisiplin apabila peraturan ketat.
II Seluar jeans yang dipakai oleh abang agak ketat.
III Jarak rumah Izham dan Ikhwan sangat ketat.
IV Ayah ketat skru pada penutup lubang itu.
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- 12 Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.
"Hantarkan lauk ini ke rumah Mak Cik Kalsum," kata emak kepada Razif.
A Razif meminta emak menghantarkan lauk kepada Mak Cik Kalsum.
B Razif diminta menghantarkan lauk ke rumah Mak Cik Kalsum.
C Mak Cik Kalsum meminta lauk daripada emak dan Razif.
D Emak meminta lauk dari rumah Mak Cik Kalsum.
- 13 Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi jawapan di bawah.
Tun Abdul Razak ialah Bapa Pembangunan.
A Siapakah nama Bapa Pembangunan?
B Siapakah bapa Tun Abdul Razak?
C Siapakah Tun Abdul Razak?
D Apakah Bapa Pembangunan?
- 14 Pilih **jawapan** yang sesuai bagi soalan yang diberikan.
Bagaimanakah cara untuk menjaga kebersihan?
A Membuang sampah ke dalam tong sampah.
B Membuang sampah di merata-rata tempat.
C Menjaga kebersihan adalah amat penting.
D Tong sampah terbahagi kepada tiga jenis.

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang betul.

- 15 I Mereka bermain bola di padang.
II Johan pergi di kedai untuk membeli ais.
III Pak Cik Haslam tinggal dari kampung.
IV Syazliana memberikan hadiah kepada Salmi.
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- 16 A Wah, ambillah upah ini!
B Oh, begitu caranya memasang langsir!
C Amboi, berani kamu mencuri wang saya!
D Aduhai, seronoknya dapat bercuti di kampung!

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Amboi, termenung jauh nampaknya, Kak Zulin!" tegur Puan Malathy.

"Kakak sedang memikirkan keputusan peperiksaan percubaan UPSR anak saya, Si Azrel," balas Puan Zulin kepada jirannya. Kecewa betul hatinya apabila mendapat tahu anaknya hanya mampu memperoleh 2A dalam peperiksaan kali itu.

"Janganlah begitu, kak. Saya percaya tentu Azrel sudah mencuba sebaik mungkin dalam peperiksaan itu. Lagipun, keputusannya tidaklah teruk," kata Puan Malathy memujuk.

"Pencapaiannya ini jauh berbeza dengan abang dan kakaknya dahulu. Bagaimanalah agaknya nasib Azrel jika dia tidak mendapat keputusan cemerlang seperti abang dan kakaknya dalam peperiksaan sebenar UPSR nanti?" keluh Puan Zulin lagi.

Puan Malathy sedar jirannya itu memang mementingkan pendidikan anak-anak. Tetapi, jirannya itu harus sedar bahawa tindakannya yang memberikan harapan terlalu tinggi telah memberikan tekanan kepada Azrel. Sikapnya yang suka membanding-bandingkan kelebihan anak-anak lain juga menyebabkan Azrel tertekan.

Menurut Puan Malathy, adiknya dahulu pernah gagal dalam peperiksaan UPSR. Namun, adiknya bangkit semula daripada kegagalan lalu mendapat keputusan yang cemerlang semasa peperiksaan SPM. Dari situ, dia menyedari bahawa gagal sekali bukanlah bermakna gagal untuk selama-lamanya.

Lidah Puan Zulin terkelu mendengar kata-kata Puan Malathy. Sedikit demi sedikit dia mula mengakui kesilapannya.

- 17 Apakah yang difikirkan oleh Puan Zulin?
 - A Kegagalan adik Puan Malathy
 - B Pencapaian abang dan kakak Azrel dahulu
 - C Keputusan peperiksaan sebenar UPSR anaknya
 - D Keputusan peperiksaan percubaan UPSR anaknya
- 18 Apakah hubungan antara Puan Zulin dengan Puan Malathy?
 - A Jiran
 - B Adik-beradik
 - C Rakan sekelas
 - D Teman serumah
- 19 Yang berikut merupakan sikap Puan Zulin **kecuali**
 - A mementingkan pendidikan anak-anak.
 - B memberikan harapan terlalu tinggi terhadap anak.
 - C suka membanding-bandingkan kelebihan anak-anak lain.
 - D bersyukur kerana anaknya berjaya dalam peperiksaan percubaan UPSR.
- 20 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan tersebut.
 - A Hati Puan Zulin kecewa apabila anaknya hanya memperoleh 2A dalam peperiksaan percubaan UPSR.
 - B Puan Zulin enggan mengakui kesilapannya walaupun selepas mendengar kisah adik Puan Malathy.
 - C Pencapaian Azrel jauh berbeza daripada abang dan kakaknya dahulu.
 - D Adik Puan Malathy bangkit semula semasa peperiksaan SPM.